

24 JAN 2002
Mahathir-Umno
UMNO TAK HALANG AHLI TUKAR CAWANGAN

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Umno membenarkan anggotanya bertukar cawangan menjelang pemilihan peringkat cawangan bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata anggota parti juga tidak akan disekat daripada menyertai mana-mana cawangan.

"Majlis Tertinggi memutuskan bahawa tidak akan ada usaha untuk menyekat kemasukan dan pertukaran keahlian ke cawangan daripada cawangan sendiri," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Pemilihan peringkat cawangan dijadualkan dari 16 Feb hingga 16 Mac dan mesyuarat bahagian dari 17 Mac hingga 30 April ini. Perhimpunan Agung Umno pula dijangka diadakan pada Jun.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, mesyuarat hari ini turut bersetuju membenarkan cawangan dan bahagian yang ingin menanggungkan mesyuarat masing-masing kerana ramai anggota mereka akan menunaikan fardhu haji.

Katanya, cawangan yang berhasrat menanggungkan mesyuarat itu bagaimanapun, perlu mengemukakan permohonan masing-masing melalui bahagian yang perlu menyokongnya.

Bahagian yang mahu meminda tarikh mesyuarat masing-masing pula perlu mengemukakan permohonan melalui Badan Perhubungan Umno negeri.

Abdullah juga berkata bahawa anggota Puteri Umno yang telah memohon menyertai parti mengikut prosedur biasa di peringkat cawangan, dibenarkan menghadiri mesyuarat cawangan sebagai ahli berdaftar.

Dr Mahathir pula berkata, mesyuarat MT hari ini turut menyentuh mengenai prestasi Barisan Nasional pada pilihan raya kecil dewan undangan negeri Indera Kayangan di Perlis pada 19 Jan lepas.

"Kita berpendapat bahawa kita telah dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan Barisan Nasional di Indera Kayangan. Ini akan menjadi pengajaran kepada kita," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim serta anggota-anggota Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno yang berusaha bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya itu.

-- BERNAMA
RZS MFJ MAI